



**PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN
RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ**

Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020

Edisi: 0

**PROSEDUR PEMANTAUAN
PROGRAM AKADEMIK
P(O)-QRiM-PANTAUPA.07**


Pindaan: 0

Muka: 1/7

PROSEDUR PEMANTAUAN DAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKADEMIK TAHUNAN (APAR, APAER) P(O)-QRiM-PANTAUPA.07

MAKLUMAT PINDAAN

Pindaan	Tarikh	Butiran	Disediakan	Diluluskan
0	01.10.2020	Keluaran Pertama		
1				
2				
3				
4				
5				
6				
7				
8				
9				
10				


 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ	Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020
		Edisi: 0
	PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK P(O)-QRiM-PANTAUPA.07	Pindaan: 0
		Muka: 2/7

Isi Kandungan


1	Carta alir	3
2	Tujuan	4
3	Skop	4
4	Rujukan	4
5	Singkatan	4
6	Tanggungjawab	5
7	Prosedur	5
	<i>7.1 Perancangan Amalan Dan Kualiti Akademik</i>	<i>5</i>
	<i>7.2 Taklimat</i>	<i>5</i>
	<i>7.3 Kumpul Data Pencapaian</i>	<i>6</i>
	<i>7.4 Analisis Data</i>	<i>6</i>
	<i>7.5 Pelaporan/ Pembentangan Di Mesyuarat</i>	<i>6</i>
	<i>7.6 Tindakan Pembetulan Dan Penambahbaikan</i>	<i>6</i>
8	Rekod dan Simpanan	7



1 Carta alir



*di peringkat institusi, contoh:
APAR, APAER, audit dalaman

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ	Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020
		Edisi: 0
	PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK P(O)-QRiM-PANTAUPA.07	Pindaan: 0
		Muka: 4/7

2 Tujuan

- a. Untuk memastikan operasi sistem jaminan kualiti dalaman bertepatan dengan polisi organisasi, keperluan Malaysia Qualification Agency (dan badan akreditasi yang berkaitan), prosedur dan keperluan semasa.
- b. Memastikan proses pemantauan dan penambahbaikan yang berkesan dengan mengenalpasti proses perancangan (Plan), pelaksanaan (Do), pemeriksaan (Check) serta tindakan (Act) di peringkat institusi.

3 Skop

Prosedur ini merangkumi aktiviti pemantauan dan penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap kualiti akademik melalui *Annual Programme Assessment Report (PAR)*, *Annual Programme Assessment Executive Report (APAER)*, Anugerah Kualiti dan audit dalaman.


- 3.1 APAR merupakan laporan tahunan tentang pencapaian program akademik serta isu yang dihadapi yang menyebabkan objektif program akademik yang dirancang tidak tercapai.
- 3.2 APAER merupakan laporan tahunan yang mengkhususkan kepada isu yang dihadapi dan penambahbaikan yang perlu dilaksanakan oleh Fakulti/Sekolah agar objektif yang dirancang tercapai. APAER yang mengandungi rumusan kesemua APAR akan dibentangkan oleh Dekan di dalam mesyuarat JKTSKKA yang pertama selepas mesyuarat pembentangan keputusan peperiksaan semester ke-2 bagi setiap sesi pengajian UTM.
- 3.3 Audit dalaman merupakan proses penilaian dan kawalan terhadap perancangan dan pelaksanaan program akademik berdasarkan standard, kod amalan atau garis panduan yang berkaitan bagi memastikan keberkesanan kualiti program akademik.

4 Rujukan

- a) MK : Manual Kualiti
- b) P-QRiM-TP : Prosedur Tindakan Pembetulan

5 Singkatan

- | | | |
|-------|---|--|
| APAR | : | Annual Programme Assessment Report |
| APAER | : | Annual Programme Assessment Executive Report |
| KPAD | : | Ketua Pasukan Audit Dalaman |
| JKTS | : | Jawatankuasa Tetap Senat |

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ	Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020
		Edisi: 0
	PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK P(O)-QRiM-PANTAUPA.07	Pindaan: 0
		Muka: 5/7

6 Tanggungjawab

Pihak QRiM bertanggungjawab di peringkat pusat untuk merancang, mengumpul dapatan pencapaian, menganalisis dan membentangkan dapatan hasil pemantauan dan penambahbaikan yang dilaksanakan terhadap kualiti akademik secara keseluruhan di akhir setiap sesi pengajian.

Pihak Fakulti/Sekolah bertanggungjawab melaporkan hasil dapatan/pencapaian daripada pentaksiran/penilaian program bagi sesuatu sesi pengajian.


7 Prosedur

7.1 Perancangan Amalan Dan Kualiti Akademik

- 7.1.1. Pemantauan dan penambahbaikan yang dilaksanakan di QRiM adalah melalui APAR, APAER dan Audit Dalaman.
- 7.1.2 Perancangan APAR dan APAER dilaksanakan bagi pelaksanaan perkara berikut:
 - 7.1.2.1 Perancangan gerak kerja bagi APAR dan APAER
 - 7.1.2.2 Taklimat kepada semua fakulti
 - 7.1.2.3 Pengumpulan dapatan data pencapaian
 - 7.1.2.4 Pembentangan di Mesyuarat
- 7.1.3 Pihak QRiM akan merancang pasukan audit dalaman setiap fakulti sebelum sesi pengajian bermula. Unit Pemantauan Kualiti Akademik QRiM akan menentukan bidang di dalam COPPA yang akan digunakan sebagai standard penilaian audit dalaman setiap tahun bersama justifikasi bidang yang ditentukan.

7.2 Taklimat

- 7.2.1 Taklimat pelaksanaan APAR dan APAER oleh Timbalan Pengarah (Peningkatan Kualiti Akademik) kepada semua Penolong Dekan dan Penolong Pengerusi (Kualiti dan Strategi) akan dilaksanakan secara bersemuka atau menggunakan platform webex sebelum peperiksaan akhir semester kedua bermula.
- 7.2.2 Bagi Audit Dalaman pula, taklimat akan disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Pemantauan Kualiti Akademik) kepada Ketua Pasukan Audit Dalaman (KPAD) yang dilantik oleh QRiM pada semester pertama tahun berikut.

 UTM UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA	PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ	Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020
		Edisi: 0
	PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK P(O)-QRiM-PANTAUPA.07	Pindaan: 0
		Muka: 6/7

7.3 Kumpul Data Pencapaian

- 7.3.1 Bagi Pelaporan pencapaian APAR dan APAER, fakulti/sekolah akan menyerahkan laporan APAR bagi setiap program dan APAER secara keseluruhan fakulti. Satu sesi pembentangan APAER oleh setiap fakulti akan disampaikan oleh Penolong Dekan dan Penolong Pengerusi (Kualiti dan strategi) selepas pembentangan keputusan peperiksaan di peringkat mesyuarat JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan dan telah disahkan oleh jawatankuasa tertinggi fakulti/sekolah.
- 7.3.2 Bagi audit dalaman pula, KPAD fakulti/ sekolah akan menyerahkan laporan sendiri berdasarkan dapatan audit dalaman yang dilaksanakan di fakulti/sekolah masing-masing sebelum sesi pembelajaran tahun berikutnya bermula.

7.4 Analisis Data


- 7.4.1 Hasil dapatan pencapaian daripada pentaksiran/penilaian program bagi sesuatu sesi pengajian yang dijalankan melalui APAR dan APAER dianalisis dan dirumuskan oleh QRiM berdasarkan bidang yang dinilai dalam COPPA Edisi 2.
- 7.4.2 Hasil dapatan audit dalaman juga dianalisis oleh QRiM berdasarkan bidang yang dinilai dalam COPPA Edisi 2.

7.5 Pelaporan/ Pembentangan Di Mesyuarat

- 7.5.1 Hasil analisis terhadap dapatan APAR, APER dan audit dalaman dibentangkan di mesyuarat eksekutif QRiM, seterusnya di mesyuarat Senat dan Mesyuarat Semakan Pengurusan (MSP) di mana cadangan pembedulan dan penambahbaikan dibincangkan dan diperakukan/diluluskan.
- 7.5.2 Fakulti/Sekolah/PTJ perlu mengambil maklum keputusan MSP dan merancang tindakan pembedulan dan penambahbaikan.

7.6 Tindakan Pembedulan Dan Penambahbaikan

- 7.6.1 Berdasarkan kepada tindakan pembedulan dan penambahbaikan yang dirancang dan dilaksanakan, UTM QRiM akan membuat semakan dibuat ke atas tindakan tersebut berdasarkan tempoh masa yang ditetapkan.

	PUSAT KUALITI DAN PENGURUSAN RISIKO (QRiM)/ UTM CAQ	Tarikh Kuatkuasa: 01.10.2020
		Edisi: 0
	PROSEDUR PEMANTAUAN PROGRAM AKADEMIK P(O)-QRiM-PANTAUPA.07	Pindaan: 0
		Muka: 7/7

8 Rekod dan Simpanan

No. Dokumen	Nama Dokumen	Tempoh Simpanan
	APAR	2 tahun
	APAER	2 tahun
	TOR pasukan Audit Dalaman Fakulti/Sekolah	2 tahun
	Tanggungjawab dan tindakan audit dalaman	2 tahun
	Senarai semak	2 tahun
	Template laporan sendiri audit dalaman (Lampiran 1 – 4)	2 tahun